

Perancangan keilangaran pangan larangan

**TAN SRI
DATUK
ABDUL
SAMAD
IDRIS menulis...**



DEWAN Rakyat mulai bersidang 11 Oktober lalu. 42 hari diperuntukkan kali ini. Biasanya demikianlah, amalan apabila Dewan membincangkan anggaran belanjan negara setiap akhir tahun, yakni kira-kira dua bulan. Mereka setiap petang harus menghadiri perisidangan dari Isnin hingga Jumaat, dalam tempoh tersebut.

Mungkin mereka yang pernah menjadi Ahli Dewan Negeri juga merasakan perisidangan terlalu lama itu masih asing. Persidangan Dewan Negeri selanjutnya dalam dua tiga hari saja. Paling lama pun, hanya empat lima hari.

Ini bukanlah bermakna seperti anak burung yang baru keluar dari kerabang, kerana pengalaman mereka sebelum menjadi Ahli Dewan Rakyat sebagai ahli politik sudah bersedia dilambung ombak, apabila berumah di tepi pantai. Kebetulan mereka memang tidak dirayangi lagi.

Dalam perisidangan penggal pertama sesudah pilihanrayu ini, kita telah kehilangan beberapa tokoh, baik dari parti pembangkang mahupun parti kerajaan.

Kehilangan penggal dirasakan sangat ialah berpulangnya ke Rahmatullah Tan Sri Datuk Syed Nasir lamall (Tun) sebagai Speaker Dewan Rakyat. Begitu juga dengan kegagalan Chen Man Hin, P. Fatto, V. David, Lim Cho Hock kembali ke Dewan Rakyat. Ketidadaan mereka, sedikit sebanyak akan menegakkan suara pembangkang buat beberapa ketika.

Meskipun Lim Kit Siang, Karpal Singh dan Lee Lam Tye dapat mengokatkan kerusinya, tetapi 'ngau' manau harimau kerusi DAP sudah pasti tidak menggerakkan lagi suasana. PAS juga telah kehilangan Ustaz Nakhla, tokoh berprestijnya di Dewan Rakyat, walaupun kehabatannya belum dapat menyangi Datuk Asri.

Kedudukan tokoh-tokoh pembangkang ini bukanlah telah ditetapkan sendiri oleh pengundi-pengundi macam usual berpangkat naik, manusia berpangkat turun. Pengundi-pengundi di Melaka, misalnya, seolah-olah mahukan tokoh-tokoh pembangkang seperti Lim Kit Siang berada di Parlimen saja.

Secara dramatik, mereka menolak Lim Kit Siang dari kerusi Dewan Undangan Negeri Melaka yang DAP menangi sejak tahun 1969. Manakala Kelantan hanya menerima juara Ayah Matnya, Datuk Asri, menjadi pembangkang di Dewan Undangan Negeri.

Langkah pengundi-pengundi di Nilam Puri tidak memilih pemimpin PAS itu ke kerusi Dewan Rakyat. Mungkin kerana mereka merasakan lebih berfaedah Ayah Mat duduk di Kelantan saja, sebab 'lain lalu lain pulang, lain dahulu lain sekarang'.

Retokohan Tun Syed Nasir selaku speaker samalah kalibernya dengan Tan Sri Nik Ahmad Kamil. Bagi Ahli Parlimen yang lama, kehilangan Tun Syed Nasir itu amat terasa. Segala keulucuan, kecekapan dan ketegasan beliau mengendalikan perisidangan, tinggalkan pangsapuri.

Begaimanapun, yang patah telah tumbuh, yang hilang telah berganti. Datuk Mohd. Zahir bin Ismail, Speaker sekarang, mempunyai latar belakang hakim dan peguam. Beliau juga ahli politik kerbohelan

□ Setiap ahli Dewan
wajar patuh
pada peraturan
mesyuarat Parlimen
yang ditetapkan □

dan pernah menjadi Ahli Dewan Negeri Kedah sebelum tahun 1969.

Saya kira, kembalinya Datuk Mohd. Zahir ke Dewan Rakyat, di samping menjadi nakoda yang akan mengemudi kan perjalanan Dewan, dipatlah dilibatkan bagai 'sirih pulang ke gagang, pinang pulang ke tampuk, heta pulang ke tuai empunya'.

Apa yang saya lahirkan ini bukanlah sekadar untuk sedap didengar saja, tetapi saya sudah lama mengenali Datuk Mohd. Zahir ini. Beliau bukan orang sejak dalam sejarah politik tanahair, telah berjuang sejak dalam perikatan Pemuda UMNO pimpinan Tun Sardon Jubar, iaitu sebelum negara mencapai kemerdekaan lagi.

Kerusi Speaker berkenaan pada setengah-setengah orang, dikatakan 'berpuaka'. Anggaran mereka pula bukanlah tidak beresabab. Dua Speaker iaitu Tan Sri Nik Ahmad Kamil dan Tun Syed Nasir, telah meninggal dunia sewaktu berada di kerusi tersebut.

Bagi saya, memang kerusi Speaker itu berpuaka. Kalau ditinjau dari istilah sebenarnya 'puaka' membawa makna 'sebuah kerusi yang paling mulia' dan bukan sebarang orang dapat mendudukinya, ia berpuaka penuh di Parlimen.

Bukan saja Ahli-Ahli Parlimen wajib tunduk menghormatinya, malah Perdana Menteri juga dimintakan berbuat demikian apabila masuk untuk duduk di Dewan. Oleh itu, angapan berpuaka itu adalah 'berhikmat kepada kebajikan' dan bukannya berpuaka membawa padah buruk.

Puaka tidak sama artinya dengan 'badi'. Kalau 'badi' ialah kuasa ghaib yang membawa kecelakaan atau wabak penyakit kepada seseorang. Dalam hubungannya kerusi Speaker yang dianggap berpuaka itu, sebenarnya, amat berhikmat serta paling berharga pada secalapa yang berjaya mendudukinya. Itulah istilah puaka dalam erti kata sebenarnya.

Speaker yang memimpin mesyuarat Parlimen bertanggungjawab berat 'kalau berat mala memandang, berat lagi bahu memikul'. Apatah lagi dalam keadaan menghadapi waktu yang agak panjang seperti sekarang.

Tetapi, hal demikian tidaklah bererti 'tak ada beban atau digalas'. Beban yang berat akan menjadi ringan, masalah yang sukar akan menjadi mudah, kalau semua anggota Parlimen bekerjasama.

Setiap ahli Dewan tidak wajar melanggar peraturan dan aturan mesyuarat Parlimen yang telah ditetapkan setiap orang sudah pun menerima dan meluluskan peraturan-peraturan tersebut untuk dipatuhi. Kalau ahli-ahli berkenaan tidak menghiraukan peraturan tersebut, samalah seperti 'mencupak air di dulang akan memereck ke muka sendiri'.

Perkara seperti ini pernah dilakukan oleh anggota-anggota pembangkang hingga kadangkala Dewan menjadi panas dan tegang. Dalam keadaan demikian, terpulanglah kepada kebijaksanaan Speaker menerangkan suasana seperti 'menarik rambut dalam tempung, rambutnya jangan putus, tepungnya jangan beresak'.

Kalau suasana hangat tidak dapat dikawal, akibatnya bukan sekadar maklumlah namun yang tidak dapat memenuh ruang Dewan yang mulia itu, tetapi mungkin juga boleh menjadi gelandangan tinju tanpa penganjur (promoter).

Kita pernah mendengar beberapa kejadian di negara lain di dunia, apabila Dewannya bertukar me-

jadi gelandangan tinju. Beberapa tahun dahulu telah kita mendengar bagaimana Speaker Parlimen Pakatan mati dipukul dengan kerusi oleh Ahli-Ahli Parlimen yang naik berang. Sebarang kejadian yang berlaku dalam Parlimen tidak boleh dilakukan di mahkamah, kecuali yang telah tercatat dalam peraturan seperti perkara senitif yang telah disenaraikan. Itulah keistimewaan Parlimen.

Di bangunan Parlimen telah dilengkapkan dengan kereta ambulans bagi menghadapi sebarang kemungkinan. Itu pun diadakan setelah kematian Tan Sri Nik Ahmad Kamil, apabila beliau rebah ketika mengemukakan mesyuarat. Bilik khas rawatan dengan jururawat bertugas, juga disediakan.

Ramal juga Ahli Parlimen yang pergi mendapat rawatan di situ. Tambahan pula mendapat sakil-sakil ringan disebabkan menghadapi mesyuarat yang panjang, di samping lama tidak balik ke rumah.

Di sini, ingin juga saya menyentuh tentang laporan akhbar-akhbar di masa lalu yang menyebut perisidangan Dewan Rakyat sering tidak cukup quorum. Bagi mereka yang tidak mengikuti sidang Parlimen, atau sekadar membaca laporan akhbar saja, tentu menuduh kebanyakan Ahli Parlimen tidak bertanggungjawab atau tidak mengambil berat akan kepentingan orang ramai.

Apa yang sebenarnya berlaku apabila sidang tidak cukup quorum, bukanlah Ahli-Ahli Parlimen meninggalkan bangunan Parlimen. Kebanyakan mereka ada di masing-masing di bangunan menara, setelah kedingin-dingun duduk di ruang Dewan.

Memang terdapat setengah-setengah ahli meninggalkan bangunan Parlimen, tetapi adalah atas sebab-sebab urusan tertentu. Jangianlah disebabkan 'enggang lalu, ranting patah' maka tuduhan-tuduhan yang keterlaluan itu dilemparkan kepada Ahli-Ahli Parlimen.

Ada juga akhbar-akhbar melaporkan kerusi menteri selanjutnya kosong. Cuma seorang saja menteri berkenaan di dalam Dewan. Menteri-menteri juga biasanya menjalankan tugas harian di pejabat masing-masing yang dilengkapkan dengan alat pendengar suara.

Mereka boleh jelas mendengar apa yang berlaku di dalam Dewan. Di samping itu pegawai-pegawai Kementerian berkenaan sentiasa bertugas mencatat sebarang tugas ucapan yang bersangkutan dengan Kementerian masing-masing. Mereka akan melaporkan kepada menteri-menteri berkenaan.

DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam titik ucapan dirajanya telah menyeru kemesteraan ekonomi dalam menghadapi kelesteraan ekonomi dunia sekarang. Baginda telah memberikan kata-kata hikmat, 'berat sama dipikul, ringan sama dijinjing' dalam menghadapi krisis ekonomi dunia ini.

Minggu hadapan, kita akan menunggu-nunggu pada upacara penting Menteri Kewangan, Tengku Razalegh, berhubung dengan belanjan. Ucapan beliau inilah yang akan menentukan corak belanjan sebenarnya, bagi negara kita, untuk tahun hadapan.

Sebenarnya manakah beban cukai yang akan ditanggung oleh rakyat dan sebanyak mana pula yang diperuntukkan bagi pembangunan negara, dan patallah kita ketaguh dengan jelas.

Saya masih ingat lagi negara menghadapi kemelatan dalam tahun 1973/74, Tun Abdul Razak telah mengarahkan beberapa projek pembangunan yang tidak berbentuk ekonomi, ditangguhkan.

Apa yang dilakukan pada waktu tersebut mungkin boleh kita ramanakn pasti berlaku sekarang. Bagaimanapun jangan Perdana Menteri, Dr. Mahathir bahawa kemelatan yang berlaku sekarang tidak begitu menjejaskan rancangan pembangunan negara yang telah sedia diatur, amat menggalak.

Yang jelas ialah kemungkinan rancangan-rancangan tersebut dilaksanakan agak terlewat dari jadual asal. Dalam hubungannya ini, saya ingin mengingatkan 'berjagung-jauglah dulu sementara para masak' kerana 'berjimat itu pangkal selamat'. ■